



E-pembayaran

Sistem e-pembayaran merupakan suatu transaksi atau pembayaran barangan dan perkhidmatan yang menggunakan media elektronik, tanpa menggunakan cek atau wang tunai. Ia juga dikenali sebagai sistem pembayaran elektronik atau sistem pembayaran dalam talian.

Adakah anda menggunakan perbankan dalam talian dengan selamat?

Pastikan anda mencipta kata laluan yang selamat. Ini bermakna ia haruslah kompleks.

Kata laluan yang panjang dengan lebih dari 6 aksara.

Gabungan nombor dan simbol yang berbeza.

Elakkan perkataan yang boleh dijumpai di dalam kamus.

Amalkan pembersihan kata laluan dengan mengubahnya secara berkala dan elakkan penggunaan kata laluan yang sama untuk beberapa akaun yang berbeza.

Sekiranya mengalami masalah, hubungi bank anda secara terus untuk memeriksa akaun anda.

Periksa sejarah transaksi akaun anda secara berkala.

Periksa semula perincian akaun penerima sebelum menekan butang 'Sahkan'.

Jangan klik pautan pihak ketiga untuk ke masuk akaun perbankan dalam talian anda taipkan terus di pelayar web anda.

Jangan sekali-kali kongsi nombor TAC dengan sesiapa, walaupun dengan pihak bank anda sendiri.

